

Soalan Lazim (FAQ) – Penggantian Kontrak Syariah daripada Ujrah & Qard kepada Komoditi Murabahah bagi Kad Maybank Islamic (Pengguna & Komersial)

Gambaran Keseluruhan Penggantian Kontrak Syariah

No	Soalan-soalan
1	<p>Mengapa Maybank Islamic menggantikan kontrak Syariah bagi kad kredit saya?</p> <p>Penggantian ini dibuat bagi mematuhi keperluan Syariah yang telah dikemas kini serta memperkukuhkan struktur asas bagi Kad Kredit dan Caj Islamik. Kontrak Komoditi Murabahah merupakan kontrak yang meluas digunakan dalam industri perbankan Islam dan telah disahkan oleh Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad (MIB).</p>
2	<p>Apakah Komoditi Murabahah dan bagaimana ia berfungsi untuk kad kredit saya?</p> <p>Kaedah pembiayaan di bawah Komoditi Murabahah adalah seperti berikut:</p> <p>Ia merupakan kaedah jualan di mana kos pemerolehan dan harga jualan dengan harga yang telah dinaikkan, dan anda membayar harga tersebut dalam tempoh yang dipersetujui. Aset asas bagi transaksi jualan antara anda dan kami adalah komoditi yang boleh diniagakan dan patuh Syariah.</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Selaras dengan pembiayaan di bawah Komoditi Murabahah, kami akan memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah tertentu daripada pihak ketiga (Pedagang Komoditi 1) atas permintaan anda. b) Kami kemudian menjual komoditi tersebut kepada anda pada Harga Jualan Bank, yang merangkumi jumlah kemudahan ditambah dengan margin keuntungan, untuk dibayar secara ansuran dalam tempoh yang dipersetujui. c) Anda melantik kami sebagai ejen anda untuk melaksanakan transaksi jualan komoditi kepada pihak ketiga bagi mendapatkan tunai. d) Kami, bertindak sebagai ejen anda, kemudian menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga (Pedagang Komoditi 2) pada harga yang bersamaan dengan had kredit. e) Hasil daripada jualan komoditi akan diagihkan kepada anda, vendor, atau pihak berkepentingan, tertakluk kepada terma dan syarat kemudahan. <p>Untuk tujuan perdagangan Komoditi Murabahah, kami akan sentiasa bertindak sebagai ejen anda bagi melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang diperlukan berkaitan dengan kemudahan tersebut.</p>
3	<p>Adakah penggantian Kontrak Syariah ini akan menjejaskan manfaat atau ganjaran kad saya?</p> <p>Tidak. Semua ciri kad termasuk pulangan tunai, mata ganjaran, diskaun, dan ganjaran kekal tidak berubah.</p>
4	<p>Adakah had kredit sedia ada saya akan terjejas?</p> <p>Tidak. Had kredit anda kekal sama. Satu transaksi dagangan sekali sahaja akan dilaksanakan untuk menukar had anda ke dalam struktur Komoditi Murabahah yang baru.</p>
5	<p>Apakah komoditi yang terlibat dalam Komoditi Murabahah?</p> <p>Bank menggunakan komoditi yang patuh Syariah seperti minyak sawit mentah, plumbum, tembaga, dan aluminium, yang diniagakan melalui platform yang diluluskan seperti Bursa Suq Al-Sila' (BSAS).</p>

6	<p>Adakah nombor kad atau tarikh luput saya akan berubah?</p> <p>Tidak. Nombor kad dan tarikh luput anda tidak berubah, kecuali anda membuat permintaan untuk penggantian kad atau menukar jenis kad.</p>
7	<p>Bilakah tarikh berkuatkuasa bagi penggantian kontrak Syariah ini?</p> <p>Penggantian kontrak Syariah akan berkuatkuasa pada 26 Disember 2025. Notis akan diberikan terlebih dahulu kepada semua pemegang kad yang terlibat</p>
8	<p>Bolehkah saya terus menggunakan kad saya seperti biasa selepas penggantian kontrak Syariah?</p> <p>Ya, anda boleh terus menggunakan kad anda seperti biasa. Tiada gangguan terhadap transaksi atau akses kad kredit anda.</p>
9	<p>Adakah penyata bulanan akan berubah selepas kontrak Komoditi Murabahah berkuatkuasa?</p> <p>Mungkin terdapat kemas kini kecil pada istilah atau pendedahan untuk di selaraskan dengan kontrak Syariah yang baru, tetapi format dan fungsi penyata bulanan anda kekal seperti sebelumnya.</p>
10	<p>Adakah Komoditi Murabahah bermaksud saya mengambil pembiayaan baru?</p> <p>Tidak. Ini adalah penggantian kontrak asas, bukan pembiayaan baru. Had kredit dan penggunaan sedia ada anda terus berkuatkuasa tanpa perlu membuat permohonan semula atau menambah hutang.</p>
11	<p>Apa yang berlaku jika saya mengabaikan komunikasi ini dan tidak memberi respons?</p> <p>Jika tiada tindakan diambil, anda akan dianggap bersetuju dengan penggantian Kontrak Syariah, dan kad anda secara automatik akan digantikan dengan kontrak Komoditi Murabahah berkuatkuasa pada 26 Disember 2025.</p>
12	<p>Adakah saya perlu memohon semula kad kredit saya di bawah Komoditi Murabahah?</p> <p>Tidak. Kad sedia ada anda akan kekal aktif dan sah. Tiada permohonan baru diperlukan, kecuali anda ingin memohon untuk produk kad yang berbeza.</p>
13	<p>Adakah penggantian kontrak Syariah ini terpakai untuk kedua-dua kad kredit dan kad caj?</p> <p>Ya. Penggantian ini terpakai kepada semua Kad Kredit dan Kad Caj Maybank Islamic bagi Pengguna dan Komersial.</p>
14	<p>Jika saya baru menerima atau mengaktifkan kad saya, adakah saya terlibat?</p> <p>Ya. Semua Kad Maybank Islamic, tanpa mengira bila ia dikeluarkan, akan digantikan kepada struktur Komoditi Murabahah, kecuali pemegang kad memilih untuk <i>opt-out</i>.</p>
15	<p>Adakah penggantian kontrak ini patuh Syariah secara antarabangsa, atau hanya di Malaysia?</p> <p>Struktur Komoditi Murabahah diiktiraf dan diterima secara meluas dalam semua bidang kuasa perbankan Islam global, bukan hanya di Malaysia.</p>
16	<p>Adakah penggantian kontrak Syariah ini wajib untuk semua pemegang Kad Maybank Islamic?</p> <p>Ya. Ia terpakai kepada semua pemegang Kad Kredit dan Kad Caj Islamik, kecuali mereka memilih untuk <i>opt-out</i> sebelum tarikh berkuatkuasa.</p>
17	<p>Bagaimana penggantian ini memberi manfaat kepada saya sebagai pelanggan?</p>

	Kontrak Komoditi Murabahah menyediakan struktur yang lebih teratur dan direka untuk memberi kejelasan serta konsistensi dalam amalan perbankan Islam, memastikan keperluan kewangan anda dipenuhi dengan lancar.
18	<p>Adakah ini akan menjejaskan kelayakan kad saya atau permohonan masa depan?</p> <p>Tidak. Kelayakan semasa, kedudukan kredit, dan proses permohonan anda kekal tidak berubah. Walau bagaimanapun, permohonan baru akan menggunakan struktur Komoditi Murabahah secara automatik.</p>
19	<p>Adakah penggantian kontrak Syariah ini akan muncul dalam CCRIS atau laporan kredit saya?</p> <p>Tidak. Penggantian struktur kontrak Syariah tidak akan mencetuskan sebarang laporan atau perubahan status dalam CCRIS atau profil biro kredit anda.</p>
20	<p>Saya mempunyai beberapa Kad Maybank Islamic, adakah penggantian kontrak Syariah terpakai untuk kesemuanya?</p> <p>Ya. Semua Kad Kredit dan Kad Caj Maybank Islamic anda, sama ada untuk Pengguna atau Komersial, akan digantikan kepada kontrak Komoditi Murabahah.</p>
21	<p>Apa yang berlaku jika kad saya disekat atau digantung, adakah kontrak masih akan digantikan?</p> <p>Ya. Walaupun kad anda disekat sementara (contohnya kerana kelewatan bayaran, pemeriksaan penipuan, dan sebagainya), penggantian Kontrak Syariah masih akan berlaku, kecuali kad dibatalkan sebelum tarikh berkuatkuasa.</p>

Pilih keluar (*Opt-Out*) daripada penggantian kontrak Syariah

No	Soalan-soalan
1	<p>Adakah saya perlu menandatangani atau melakukan sebarang tindakan untuk meneruskan penggantian kontrak Syariah ini?</p> <p>Tidak perlu melakukan sebarang tindakan jika anda bersetuju dengan penggantian kontrak Syariah. Penggantian akan diteruskan secara automatik berdasarkan dianggap bersetuju, kecuali anda memilih untuk <i>opt-out</i>.</p>

2	<p>Apa yang perlu saya lakukan jika saya tidak bersetuju dengan penggantian kontrak?</p> <p>Jika anda tidak bersetuju dengan penggantian kontrak Syariah, anda dikehendaki menghubungi Bank sebelum 23 Disember 2025.</p> <table border="1" data-bbox="279 432 1471 1081"> <thead> <tr> <th data-bbox="279 432 833 465">Pilihan <i>Opt-Out</i> (Tidak Meneruskan)</th> <th data-bbox="841 432 1471 465">Isi Kandungan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="279 472 833 757"> <p>Kad Konsumer Islamic</p> <p>Emel ke mibcards@maybank.com</p> <p>Perhatian Pelanggan: Sila pastikan anda menghubungi kami melalui alamat e-mel rasmi anda yang telah didaftarkan dengan Bank.</p> </td> <td data-bbox="841 472 1471 757"> <p>Subjek: Pilih Keluar daripada Penggantian Kontrak Syariah</p> <p>Kandungan: Meminta untuk keluar daripada Pelaksanaan Penggantian Kontrak Syariah.</p> <p>MIBCM<JARAK>OPTOUT<JARAK>NOTELEFON</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="279 763 833 1081"> <p>Kad Komersial Islamic</p> <p>Emel ke corpsvc@maybank.com</p> <p>Perhatian Pelanggan: Sila pastikan anda menghubungi kami melalui alamat e-mel rasmi Syarikat yang telah didaftarkan dengan Bank serta menggunakan kepala surat syarikat.</p> </td> <td data-bbox="841 763 1471 1081"> <p>Subjek: Pilih Keluar daripada Penggantian Kontrak Syariah</p> <p>Kandungan: Meminta untuk keluar daripada Pelaksanaan Penggantian Kontrak Syariah.</p> <p>No. Kad: (1234 5678 1234 5678)</p> <p>MIBCM<JARAK>OPTOUT<JARAK>NOTELEFON</p> </td> </tr> </tbody> </table>	Pilihan <i>Opt-Out</i> (Tidak Meneruskan)	Isi Kandungan	<p>Kad Konsumer Islamic</p> <p>Emel ke mibcards@maybank.com</p> <p>Perhatian Pelanggan: Sila pastikan anda menghubungi kami melalui alamat e-mel rasmi anda yang telah didaftarkan dengan Bank.</p>	<p>Subjek: Pilih Keluar daripada Penggantian Kontrak Syariah</p> <p>Kandungan: Meminta untuk keluar daripada Pelaksanaan Penggantian Kontrak Syariah.</p> <p>MIBCM<JARAK>OPTOUT<JARAK>NOTELEFON</p>	<p>Kad Komersial Islamic</p> <p>Emel ke corpsvc@maybank.com</p> <p>Perhatian Pelanggan: Sila pastikan anda menghubungi kami melalui alamat e-mel rasmi Syarikat yang telah didaftarkan dengan Bank serta menggunakan kepala surat syarikat.</p>	<p>Subjek: Pilih Keluar daripada Penggantian Kontrak Syariah</p> <p>Kandungan: Meminta untuk keluar daripada Pelaksanaan Penggantian Kontrak Syariah.</p> <p>No. Kad: (1234 5678 1234 5678)</p> <p>MIBCM<JARAK>OPTOUT<JARAK>NOTELEFON</p>
Pilihan <i>Opt-Out</i> (Tidak Meneruskan)	Isi Kandungan						
<p>Kad Konsumer Islamic</p> <p>Emel ke mibcards@maybank.com</p> <p>Perhatian Pelanggan: Sila pastikan anda menghubungi kami melalui alamat e-mel rasmi anda yang telah didaftarkan dengan Bank.</p>	<p>Subjek: Pilih Keluar daripada Penggantian Kontrak Syariah</p> <p>Kandungan: Meminta untuk keluar daripada Pelaksanaan Penggantian Kontrak Syariah.</p> <p>MIBCM<JARAK>OPTOUT<JARAK>NOTELEFON</p>						
<p>Kad Komersial Islamic</p> <p>Emel ke corpsvc@maybank.com</p> <p>Perhatian Pelanggan: Sila pastikan anda menghubungi kami melalui alamat e-mel rasmi Syarikat yang telah didaftarkan dengan Bank serta menggunakan kepala surat syarikat.</p>	<p>Subjek: Pilih Keluar daripada Penggantian Kontrak Syariah</p> <p>Kandungan: Meminta untuk keluar daripada Pelaksanaan Penggantian Kontrak Syariah.</p> <p>No. Kad: (1234 5678 1234 5678)</p> <p>MIBCM<JARAK>OPTOUT<JARAK>NOTELEFON</p>						
3	<p>Apa yang berlaku jika saya memilih untuk keluar selepas tarikh berkuatkuasa?</p> <p>Kontrak Komoditi Murabahah telah berkuatkuasa sekiranya anda memilih untuk keluar selepas tarikh berkuatkuasa (26 Disember 2025). Anda masih boleh membatalkan kad anda seperti biasa.</p>						
4	<p>Adakah saya akan dikenakan bayaran jika membatalkan kad untuk memilih keluar?</p> <p>Tiada yuran pembatalan akan dikenakan. Walau bagaimanapun, anda mesti menyelesaikan sebarang baki tertunggak.</p>						

Keuntungan, Caj & Manfaat Kad Islamik selepas Penggantian Kontrak Syariah

No	Soalan-soalan
1	<p>Adakah akan terdapat sebarang yuran atau caj tambahan akibat penggantian kontrak Syariah ini?</p> <p>Tiada caj tambahan akan dikenakan ke atas baki sedia ada atau yuran kad kredit anda. Struktur caj kad sedia ada (contohnya, yuran tahunan, caj lewat) kekal tidak berubah.</p>
2	<p>Saya mempunyai pelan ansuran atau pemindahan baki – adakah penggantian kontrak Syariah ini akan menjejaskannya?</p> <p>Tidak. Pelan ansuran, EzyPay-i, pemindahan baki, atau ciri pembiayaan lain yang sedang berjalan akan terus berjalan seperti dijadualkan tanpa sebarang gangguan.</p>
3	<p>Saya berada di bawah susunan pembayaran ansuran (IPA). Adakah penggantian kontrak ini akan menjejaskan susunan saya?</p>

	Tidak. Susunan pembayaran ansuran sedia ada anda akan diteruskan tanpa sebarang perubahan.
2	<p>Adakah terdapat sebarang kesan terhadap pengiraan keuntungan atau caj di bawah Komoditi Murabahah?</p> <p>Kaedah pengiraan kini akan mengikuti struktur "harga jualan" dan bukannya yuran pengurusan tetap. Walau bagaimanapun, caj bersih kepada anda kekal tidak berubah. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:</p> <p>Harga Jualan Bank</p> <p>Harga jualan yang perlu dibayar oleh pemegang kad kepada Bank yang merangkumi harga belian Bank dan keuntungan Bank.</p> <p>Had harga jualan</p> <p>= Had Kredit + jumlah keuntungan (Had Kredit × Kadar Keuntungan (28%) × Tempoh (5 tahun))</p> <p>Contoh:</p> <p>Had Kredit = RM10,000</p> <p>Had harga jualan / jumlah dagangan = 10,000 + (10,000 × 28% (18% + 10%) × 5 tahun)</p> <p>= 10,000 + 14,000 = RM24,000</p>

Notifikasi Penggantian Kontrak Syariah dan Maklumat Perhubungan

No	Soalan-soalan
1	<p>Adakah saya akan menerima sebarang notifikasi mengenai penggantian kontrak Syariah daripada Bank?</p> <p>Ya. Anda akan menerima 2 notifikasi:</p> <p>a) Notifikasi pertama pada 14 November 2025.</p> <p>b) Notifikasi kedua sebagai peringatan akan dihantar pada 5 Disember 2025.</p> <p>Saluran notifikasi adalah seperti berikut:</p> <p>a) Push Notification melalui MAE</p> <p>b) Laman Web M2U</p> <ul style="list-style-type: none"> • Banner di halaman utama • Halaman Produk <p>c) e-DM (melalui emel yang didaftarkan dengan Bank)</p> <p>d) Sorotan Penyata Kad Kredit (Digital dan Cetakan <i>Hardcopy</i>) – kitaran November – Disember 2025</p> <p>e) Pengumuman ATM – (kitaran November – Disember 2025)</p> <p>f) SMS</p>
2	<p>Adakah saya akan diberitahu apabila kontrak berjaya digantikan?</p> <p>Ya. Anda akan menerima emel dan push notification melalui MAE selepas penggantian kontrak Syariah kepada Komoditi Murabahah berjaya, berserta butiran susunan Akad.</p>

3	<p>Siapa yang boleh saya hubungi jika mempunyai pertanyaan atau memerlukan bantuan semasa tempoh peralihan?</p> <p>Anda boleh menghubungi Maybank Group Customer Care (MGCC) melalui telefon, emel, atau melawat mana-mana cawangan untuk mendapatkan bantuan. Kakitangan kami dilatih untuk membantu anda memahami penggantian kontrak Komoditi Murabahah.</p> <table border="1" data-bbox="268 539 1417 869"> <tr> <td data-bbox="268 539 810 611">Kunjungi cawangan Maybank terdekat anda</td> <td data-bbox="818 539 1417 611">Mana-mana cawangan Maybank / Maybank Islamic</td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 611 810 723">Hubungi Khidmat Pelanggan kami</td> <td data-bbox="818 611 1417 723"> ☎ 1-300-88-6688 (Malaysia) ☎ +603-7844 3696 (Luar Negara) ✉ mgcc@maybank.com </td> </tr> <tr> <td data-bbox="268 723 810 869">Maklumat Lanjut</td> <td data-bbox="818 723 1417 869">Sila rujuk kepada Terma & Syarat, Lembaran Pendedahan Produk (PDS) terkini, atau hubungi kami melalui saluran perhubungan yang disenaraikan di atas.</td> </tr> </table>	Kunjungi cawangan Maybank terdekat anda	Mana-mana cawangan Maybank / Maybank Islamic	Hubungi Khidmat Pelanggan kami	☎ 1-300-88-6688 (Malaysia) ☎ +603-7844 3696 (Luar Negara) ✉ mgcc@maybank.com	Maklumat Lanjut	Sila rujuk kepada Terma & Syarat, Lembaran Pendedahan Produk (PDS) terkini, atau hubungi kami melalui saluran perhubungan yang disenaraikan di atas.
Kunjungi cawangan Maybank terdekat anda	Mana-mana cawangan Maybank / Maybank Islamic						
Hubungi Khidmat Pelanggan kami	☎ 1-300-88-6688 (Malaysia) ☎ +603-7844 3696 (Luar Negara) ✉ mgcc@maybank.com						
Maklumat Lanjut	Sila rujuk kepada Terma & Syarat, Lembaran Pendedahan Produk (PDS) terkini, atau hubungi kami melalui saluran perhubungan yang disenaraikan di atas.						
4	<p>Adakah kakitangan cawangan akan dilatih untuk menerangkan Komoditi Murabahah dan penggantian kontrak Syariah ini?</p> <p>Ya. Kakitangan cawangan dan pegawai khidmat pelanggan kami telah dilatih untuk menerangkan kontrak Komoditi Murabahah serta menjawab pertanyaan anda.</p>						
5	<p>Adakah Kontrak Syariah Komoditi Murabahah mematuhi garis panduan Bank Negara Malaysia?</p> <p>Ya. Penggantian ini adalah selaras dengan garis panduan Syariah dan operasi yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan disokong oleh Persatuan Perbankan dan Institusi Kewangan Islam Malaysia (AIBIM).</p>						

Permohonan Kontrak Syariah bagi Kad Kredit Maybank Islamic

No	Soalan-soalan
1	<p>Adakah penggantian kontrak Syariah ini selaras dengan bank Islam lain di Malaysia?</p> <p>Ya. Penggantian ini merupakan inisiatif industri secara menyeluruh yang disokong oleh AIBIM dan dipandu oleh Bank Negara Malaysia. Perubahan yang serupa juga sedang dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam lain.</p>
2	<p>Adakah penggantian kontrak Syariah ini disokong dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah anda?</p> <p>Ya. Ia telah disemak dan diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Berhad, memastikan pemenuhan sepenuhnya kepada prinsip Syariah.</p>
3	<p>Apa yang berlaku jika saya ingin menurunkan atau menaik taraf kad saya sebelum penggantian kontrak Syariah?</p> <p>Anda boleh melakukannya, dan kad baru akan dikeluarkan di bawah kontrak Syariah Komoditi Murabahah sekiranya diproses selepas penggantian kontrak Syariah berkuatkuasa. Naik taraf atau turun taraf sebelum tarikh berkuatkuasa akan mengikuti proses semasa, tetapi masih tertakluk kepada penggantian kontrak Syariah kemudian.</p>
4	<p>Apakah maksud 'persetujuan dianggap diberikan'? Mengapa ia digunakan di sini?</p>

	<p>Persetujuan dianggap diberikan bermaksud bahawa kecuali anda secara aktif menolak dengan membatalkan kad anda, anda dianggap bersetuju dengan penggantian kontrak Syariah. Kaedah ini dibenarkan menurut Syariah dan amalan industri, terutamanya untuk kemas kini produk secara menyeluruh.</p>
5	<p>Jika saya memohon kad Islamik baru sekarang, kontrak yang mana akan terpakai?</p> <p>Semua permohonan Kad Kredit Islamik baru akan menggunakan kontrak Komoditi Murabahah berkuatkuasa dari tarikh pelaksanaan pada 26 Disember 2025. Permohonan yang diluluskan sebelum penggantian kontrak Syariah juga akan berada di bawah kontrak Komoditi Murabahah.</p>
6	<p>Berapa kerap kontrak Komoditi Murabahah akan diperbaharui?</p> <p>Kontrak Komoditi Murabahah ditetapkan dengan tempoh 5 tahun dan akan automatik diperbaharui atau distruktur semula pada akhir setiap tempoh, tertakluk kepada keperluan Syariah.</p>

Kesan terhadap Penggunaan Kad Kredit & Perubahan Sistem

No	Soalan-soalan
1	<p>Adakah perbankan dalam talian atau aplikasi mudah alih saya akan menunjukkan sebarang perubahan selepas penggantian kontrak Syariah?</p> <p>Mungkin terdapat kemas kini kecil pada perkataan atau istilah, tetapi fungsi perbankan dalam talian dan aplikasi mudah alih anda kekal sama.</p>
2	<p>Adakah saya akan melihat sebarang perubahan dalam dokumen terma dan syarat kad kredit?</p> <p>Ya. Terma dan syarat terkini yang mencerminkan kontrak Komoditi Murabahah akan tersedia secara dalam talian dan boleh diminta di cawangan.</p>
3	<p>Adakah kontrak baru akan menjejaskan cara pengiraan pembayaran bulanan saya?</p> <p>Pengiraan pembayaran bulanan anda akan kekal selaras dengan pelan pembayaran dan jadual sedia ada.</p>
4	<p>Adakah terdapat sebarang perubahan pada caj lewat bayar atau tempoh lanjut?</p> <p>Tidak. Terma yang berkaitan dengan bayaran lewat dan tempoh lanjut kekal sama seperti sebelum penggantian kontrak Syariah.</p>

Lain-lain

No	Soalan-soalan
1	<p>Adakah akan terdapat gangguan pada penggunaan kad kredit saya semasa proses penggantian kontrak?</p> <p>Tidak. Penggunaan kad anda akan terus berjalan tanpa gangguan sebelum, semasa, dan selepas proses penggantian kontrak Syariah. Peralihan dikendalikan secara dalaman oleh Bank.</p>
2	<p>Adakah penggantian kontrak Syariah ini akan menjejaskan pengedaran automatik atau arahan tetap saya?</p>

	Tidak. Arahan tetap dan pengebilan automatik anda (contohnya, untuk utiliti atau Takaful) akan terus berjalan seperti biasa tanpa gangguan.
3	<p>Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai konsep Komoditi Murabahah?</p> <p>Anda boleh merujuk kepada laman web Bank, melawat mana-mana cawangan, atau bercakap dengan pegawai khidmat pelanggan kami. FAQ terperinci dan bahan pendidikan juga akan disediakan secara dalam talian di laman web M2U.</p>
4	<p>Bolehkah saya meminta salinan fizikal dokumentasi akad Komoditi Murabahah?</p> <p>Tidak. Notifikasi kejayaan perdagangan akad akan dihantar kepada pelanggan melalui emel berserta pengiraan harga jualan bank terkini. Pelanggan boleh menghubungi bank untuk sebarang permintaan berkaitan dokumentasi Akad Komoditi Murabahah.</p>
5	<p>Apa yang berlaku kepada kad saya jika ia hilang atau dicuri semasa atau selepas penggantian kontrak?</p> <p>Kad anda akan digantikan di bawah terma kontrak Komoditi Murabahah sekiranya dilaporkan hilang atau dicuri. Keselamatan kad dan perlindungan terhadap penipuan anda kekal tidak berubah.</p>
6	<p>Adakah kontrak Komoditi Murabahah akan menjejaskan perlindungan penipuan atau proses pertikaian?</p> <p>Tidak. Perlindungan penipuan, proses chargeback, dan penyelesaian pertikaian sedia ada kekal sama dan tidak terjejas oleh penggantian kontrak Syariah.</p>